

Sebuah daripada tiga bot nelayan Vietnam ditenggelamkan untuk dijadikan tukan tiruan di Perairan Pulau Bidong.

(Foto Zaid Salim/BH)

Maritim Malaysia lupus 446 bot nelayan asing

BH 23/06/23 M15 20

Kuala Terengganu: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) melupuskan 446 bot nelayan asing membabitkan nilai keseluruhan sebanyak RM1.7 bilion.


Timbalan Ketua Pengarah Maritim Malaysia (Pengurusan), Khairul Anwar Bachok, berkata semua bot terbabit dirampas menerusi operasi di perairan Sabah, Sarawak, Pantai Timur dan perairan Sedeli serta Mersing di Johor sejak 2008 hingga kini.

Katanya, daripada jumlah itu, perairan Terengganu paling banyak melakukan pelupusan iaitu 159 membabitkan nilai RM238.5 juta bermula 2010 hingga kini.

"Kedudukan perairan Pantai Timur yang bersempadan dengan Vietnam menyebabkan nelayan negara terbabit banyak melakukan pencerobohan.

"Paling banyak di perairan Terengganu meskipun ia berkedudukan agak jauh iaitu 132 batu nautika berbanding Kelantan yang paling hampir.

"Semua bot yang dilupuskan adalah bot yang sudah dilucut hak oleh mahkamah menggunakan dua kaedah menenggelamkan un-



Perairan Terengganu paling banyak lupuskan bot asing.

tuk dijadikan tukan tiruan dan hancur musnah," katanya selepas melakukan pelupusan tiga bot nelayan Vietnam di Perairan Pulau Bidong, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Maritim Malaysia Terengganu, Kapten Maritim Mohd Khairulnuar Abd Majid.

Khairul berkata, pelupusan tiga bot yang ditahan sepanjang tahun lalu adalah sumbangan Maritim Malaysia kepada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi aktiviti penyelidikan kajian akademik di Stesen Penyelidikan Alami Marin UMT, Pulau Bidong.

Katanya, ketiga-tiga bot ber-

kenaan ditahan melalui Op Naga Barat dan Op Kuda Laut yang dilaksanakan sepanjang tahun lalu oleh Kapal Maritim (KM) GEMIA dan KM NUSA.

"Ini adalah pelupusan ke-10 pada tahun ini oleh Maritim Negeri Terengganu dan dijangkakan 20 bot lagi akan ditenggelamkan selepas mendapat pelucutan hak daripada mahkamah pada tahun ini," katanya.

Program pelupusan berkenaan turut mendapat kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia dan Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT).